

23/01/2003

Prestasi wakil rakyat negeri dipantau

GEORGETOWN: Prestasi setiap wakil rakyat negeri ini akan dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan mereka menjalankan tugas sebaik mungkin.

Ini penting kerana kegiatan dan perkhidmatan setiap wakil rakyat akan memastikan mereka terus mendapat kepercayaan rakyat, sekali gus menyumbang

bakti kepada segenap lapisan masyarakat yang diwakili.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata pemantauan itu adalah perkara biasa, biar pun berita angin berhubung pilihan raya umum bakal menjelang semakin jelas kedengaran kebelakangan ini.

Beliau berkata, setakat ini belum ada senarai calon yang difikirkan untuk pilihan raya akan datang, baik mereka yang akan bersara atau muka baru.

"Yang penting, semuanya sedang dipantau," katanya selepas merasmikan persidangan antarabangsa Robotik, Wawasan, Maklumat dan Pemprosesan Isyarat 2003, di Hotel Gurney, di sini, semalam.

Katanya, beliau yakin semua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) menyedari

tanggung jawab mereka untuk memenuhi janji yang dibuat sepanjang kempen dalam pilihan raya umum yang lalu.

Beliau berkata, yang perlu disedari ialah hakikat dalam setiap pilihan raya umum tentunya akan ada perubahan dari segi senarai peserta atau calonnya.

"Ini kerana ketetapan yang memastikan ada yang akan bersara, sementara timbulnya muka baru yang berhasrat mewakili rakyat di kawasan masing-masing," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung persiapan senarai calon pilihan raya pada peringkat negeri.